

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)51

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

51. Apakah pendirian kerajaan terhadap Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (1996) Pulau Pinang seperti liwat, muncikari dan penyalahgunaan logo halal yang ada persamaan dengan beberapa Enakmen Jenayah Syariah (1) Kelantan yang telah dibatalkan melalui kes Nik Elin?
- (a) Persoalannya adakah undang-undang tersebut akan dibatalkan atau tidak?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

51. Pada 9 Februari 2024, Mahkamah Persekutuan dalam keputusan majoriti 8-1 memutuskan bahawa 16 kesalahan di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) Kelantan 2019 adalah batal dan tidak sah.

Isu utama dalam kes tersebut adalah berkaitan kompetensi Badan Perundangan Negeri Kelantan membuat peruntukan-peruntukan tersebut mengikut batasan yang ditentukan oleh Perlembagaan

Persekutuan di bawah Butiran 1 Senarai II Senarai Negeri, Jadual Kesembilan.

Hal ini kerana, Dewan Undangan Negeri (DUN) tidak mempunyai kuasa membuat undang-undang terhadap kesalahan jenayah termasuk jenayah Syariah yang telah diberikan kuasa kepada Parlimen. Jadual Kesembilan Senarai II Senarai Negeri hanya memberi kuasa kepada DUN untuk membuat undang-undang berkaitan dengan pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama Islam (*creation and punishment of offences by persons professing the religion of Islam against precepts of Islam*).

Atas titah Sultan Selangor selaku Pengerusi MKI dalam mesyuarat MKI ke 70 pada 28 Ogos 2023 lalu, sebuah **Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi DUN Untuk Menggubal Undang-undang Islam** telah ditubuhkan pada **5 Disember 2023** yang berperanan melihat dan memperhalusi semua perkara melibatkan pertindihan antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil. Jawatankuasa tersebut akan memberi syor-syor yang dapat mengurangkan pertindihan serta melihat bidang kuasa DUN dan Parlimen dalam membuat undang-undang dalam kompetensi masing-masing.

Setakat ini pendirian Kerajaan Negeri berkaitan peruntukan undang-undang dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 seperti liwat, muncikari dan penyalahgunaan logo halal yang ada persamaan dengan peruntukan undang-undang dalam Enakmen Jenayah Syariah (1) Kelantan dalam kes Nik Elin akan dikekalkan.

- (a) Berkaitannya, Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) memaklumkan apa-apa tindakan mengenai perkara ini hanya akan diambil setelah laporan kajian oleh Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-undang Islam yang dilantik oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) yang kini dipengerusikan oleh DYMM Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah selesai dan apa-apa arahan lanjut mengenai perkara ini di peringkat Majlis Raja-Raja.